

# Didik mahasiswa belanja berhemah

## ► UMS anjur program Pembentangan Takwim Badan Pelajar

UB 15.12.2014 A3  
KOTA KINABALU: Bahagian Pembangunan Pelajar, Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Universiti Malaysia Sabah (UMS) baru-baru ini telah menganjurkan program Pembentangan Takwim Badan Pelajar bagi tahun 2014.



**SEKRETERIAT** Rakan Muda UMS membentangkan kertas kerja di hadapan dua orang panel.

itu, semua program telah dibincangkan di peringkat awal agar perancangan setiap aktiviti lebih tersusun,

berstruktur dan yang paling utama adalah impak yang berpanjangan selepas sesuatu aktiviti selesai dilaksanakan.

Dalam pada itu, sebanyak 25 buah sekretariat dan kelab yang bernaung di bawah HEPA terlibat dalam pembentangan itu melibatkan 100 pelajar yang hadir mewakili kelab masing-masing.

Sebanyak 203 kertas kerja turut dirangka pada tahun 2015 dan kesemua aktiviti itu akan dimurnikan dalam satu Bengkel Takwim Pelajar yang dijadualkan pada 20 dan 21 Disember 2014 ini.

Program seumpama itu bertujuan agar agihan bajet dan perbelanjaan lebih terancang dan dapat mengelakkan perbelanjaan yang melebihi bajet yang telah diperuntukkan.

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor HEPA UMS Prof Madya Dr Ismail Ali menyarankan agar setiap kelab merebut peluang itu untuk melaksanakan aktiviti yang lebih berimpak tinggi

sesuai dengan status pelajar sebagai siswa siswi di menara gading.

Ahli panel terdiri daripada pegawai-pegawai HEPA yang telah terlibat dalam pembentangan takwim pelajar

sejak tiga tahun lepas.

Antara komen panel adalah agar setiap program yang dibuat perlulah ada kesinambungan dan dapat meningkatkan kemahiran insaniah pelajar.



**PANEL** pembentangan takwim ketika mengemukakan soalan.



**PARA** bekas pelajar SMK Gunsanad STPM 1990 menyempurnakan upacara simbolik reunion dengan pemotongan kek.